

RMK-8 hadapi globalisasi

UM 24 APR 2001

Oleh OTHMAN MOHAMAD

KUALA LUMPUR 23 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) yang menggariskan tiga teras utama untuk memastikan negara mencapai pertumbuhan mapan dan berdaya tahan bagi menghadapi cabaran globalisasi.

RMK-8 dijangka melibatkan perbelanjaan pembangunan sektor awam sebanyak RM253.4 bilion dengan RM110 bilion daripadanya adalah perbelanjaan pembangunan kerajaan Persekutuan.

Selain menjayakan Dasar Wawasan Negara (DWN) bagi memperkukuhkan keupayaan, kebolehan dan keazaman negara bagi menghadapi cabaran, pembangunan sosioekonomi yang dirancang dalam RMK-8 mempunyai matlamat perpaduan negara.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berkata, teras RMK-8 adalah untuk mengubah strategi pertumbuhan daripada berasaskan input kepada strategi yang didorong oleh pengetahuan melibatkan seluruh rakyat.

● **Teks ucapan penuh PM**
di muka 6,7 dan 10

● **Lagi laporan RMK-8**
di muka 18,19,20,21 dan 24

Dua lagi teras dalam rancangan pembangunan lima tahun itu ialah mempercepat perubahan struktur sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan; serta memperkukuhkan kestabilan sosioekonomi menerusi pengagihan pendapatan dan kekayaan negara secara saksama.

Dr. Mahathir menegaskan ketidakseimbangan pendapatan terutama antara dan dalam kumpulan etnik, kumpulan pendapatan, sektor ekonomi, wilayah dan negeri akan terus ditangani.

“Sebagai sebahagian daripada objektif utama pengagihan pendapatan jangka panjang, negara akan melahirkan kumpulan berpendapatan pertengahan yang lebih besar dan makmur di samping meningkatkan pendapatan golongan berpendapatan rendah,” katanya dalam ucapan pembentangan di Dewan Rakyat pagi ini.

Dalam merealisasikan perkara itu, Dr.

■ **Lihat muka 4**

RMK-8 hadapi globalisasi

Mahathir berkata, imbalan guna tenaga bumiputera dan bukan bumiputera dalam sektor awam dan swasta akan diperbaiki.

Katanya, penumpuan bukan bumiputera dalam sektor swasta dan bumiputera dalam sektor awam akan dikurangkan.

"Bilangan bukan bumiputera dalam sektor awam akan ditambah manakala sektor swasta mengambil lebih ramai bumiputera dalam pengurusan dan penyeliaan perusahaan dan perniagaan mereka," katanya.

Penyertaan bukan bumiputera dalam pasukan polis, tentera dan bidang pendidikan di semua peringkat juga akan diusahakan.

Kata Perdana Menteri: "Dengan ini semua kegiatan dalam masyarakat akan mencerminkan kaum-kaum di Malaysia."

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, tumpuan memodenkan sektor pertanian dan meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara juga diberikan.

Pendekatan bersepadu dilaksanakan melibatkan perubahan ketara seperti menggantikan amalan penanaman satu jenis tanaman di kebun kecil kepada tanaman campuran yang menggunakan teknologi tinggi secara meluas dalam proses pengeluaran dan melaksanakan strategi pemasaran yang dinamik.

"Walaupun teras keseluruhan untuk mempergiatkan semua sektor ini,

usaha bersungguh-sungguh akan diambil bagi meningkatkan taraf hidup petani dan pekebun kecil melalui perdagangan yang lebih besar dan produktif," katanya.

Bagi menghadapi cabaran globalisasi, Dr. Mahathir menjelaskan kerajaan akan mewujudkan asas sumber manusia yang kukuh yang dapat menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan serta meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.

Oleh itu, katanya, keutamaan akan diberi untuk menyediakan lebih ramai tenaga kerja yang mempunyai kemahiran dan kepakaran serta pengetahuan *tacit* serta kemahiran berfikir yang tinggi.

Selaras dengan itu, kapasiti program pendidikan dan latihan berkaitan sains dan teknologi di peringkat tinggi akan dipertingkatkan bagi mencapai nisbah 60:40 pelajar aliran sains berbanding sastera.

Infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) akan diperluas ke kawasan luar bandar bagi mengurangkan jurang digital termasuklah menerusi program Infodesa dan Internet Desa, bagi menyediakan kursus kesedaran dan latihan.

"Tumpuan akan diberikan kepada penyediaan peluang pendidikan yang lebih baik serta peningkatan aksesibiliti kepada kemudahan kesihatan yang lebih baik dan penyediaan perumahan yang mampu dimiliki atau disewa oleh rakyat," katanya.

Sambil mengimbas pengalaman yang menunjukkan pembangunan dan globalisasi ekonomi memberi kesan kepada institusi dan norma sosial serta budaya negara, Dr. Mahathir menegaskan langkah juga perlu diambil untuk memastikan masyarakat Malaysia berdaya tahan.

Merosakkan

Ia perlu bagi menghadapi pengaruh negatif yang mungkin merosakkan moral serta menjejaskan keharmonian dan toleransi kaum.

Perdana Menteri turut menegaskan prosedur penilaian projek penswastan yang lebih teliti akan diguna pakai termasuk mendapatkan pandangan rakyat menerusi soal selidik mengenai projek-projek yang akan diswastakan.

Perkhidmatan pakar runding dan juruaudit bebas juga akan diambil, kata Dr. Mahathir sambil menjelaskan program penswastan telah memberi keutamaan yang tinggi kepada projek-projek yang boleh merangsang pertumbuhan ekonomi dan berdaya maju serta menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

Oleh itu, katanya, kerajaan akan mengenal pasti projek yang dapat menjana kesan pengganda dan meningkatkan kualiti perkhidmatan terutama di sektor pengangkutan dan pembinaan.

Beliau turut memberitahu langkah menyusun semula badan kawal selia program penswastan akan

dipercepat dan diperkukuhkan melalui sokongan perundangan dan peningkatan keupayaan badan itu.

Langkah itu untuk memberi perlindungan kepada kepentingan pengguna dan memastikan pembangunan yang sihat dalam sektor yang terlibat dengan penswastan.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan telah dapat menjimatkan perbelanjaan modal berjumlah RM49.2 bilion melalui penswastan dalam RMK-7 manakala hasil yang diperoleh daripada penjualan ekuiti dan aset berjumlah RM4.4 bilion.

Keadaan itu, katanya, membolehkan kerajaan menyediakan lebih banyak peruntukan untuk perkhidmatan sosial seperti pendidikan dan kesihatan yang memberi manfaat kepada rakyat.

Mengenai prospek ekonomi makro, Dr. Mahathir berkata, prestasi ekonomi mantap pada tahun lalu akan menyediakan asas mengekalkan pertumbuhan yang tinggi dalam RMK8.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka berkembang pada kadar purata 7.5 peratus setahun dengan kadar inflasi yang rendah.

"Senario untuk tempoh lima tahun menunjukkan penggunaan swasta sebenar diunjur meningkat sebanyak 7.4 peratus setahun selaras dengan jangkakan peningkatan pendapatan per kapita daripada RM13,360 pada tahun lalu kepada RM17,780 pada tahun 2005," katanya.

Sepanjang tempoh RMK-8 juga, akaun semasa imbalan pembayaran dijangka terus mencapai lebih walaupun pada kadar yang menurun manakala akaun dagangan imbalan pembayaran dijangka mencatat lebih 17.4 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK).

Dalam ucapan 90 minit itu, Perdana Menteri turut menerangkan prestasi RMK-7, termasuk dalam menangani kemiskinan rakyat iaitu mensasarkan pengurangan golongan termiskin kepada 0.5 peratus manakala kadar kemiskinan kepada 5.5 peratus.

Inflasi

Pengangguran pula berada di sekitar 3 peratus manakala inflasi adalah rendah.

Eksport pula meningkat sehingga lebih RM287 bilion sementara jumlah dagangan Malaysia meningkat kepada RM515 bilion, katanya.

Pendapatan per kapita meningkat daripada RM12,160 pada 1998 kepada RM13,360 pada tahun lalu.

"Semua angka ini adalah sah dan bukan ciptaan. Tetapi ada pihak yang sanggup mendakwa kononnya ekonomi Malaysia rosak kerana pendekatan yang digunakan oleh kerajaan Malaysia. Dakwaan ini sebenarnya mendedahkan kejahilan parti-parti lawan," jelasnya.